

KENYATAAN MEDIA

SEMPORNA, SABAH (7 SEPTEMBER 2023) –Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM), dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) telah memperbaharui Memorandum Persefahaman (MoU) untuk Mencari Penyelesaian Jangka Masa Panjang Kepada Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah. MoU yang sebelum ini dikenali sebagai MoU Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah akan berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun dari 2023 hingga 2028.

MoU ini pertama kali ditandatangani antara SUHAKAM dan Komnas HAM pada April 2019, dengan CHRP sebagai pemerhati rasmi. Ia kemudiannya diperbaharui sebanyak dua kali dan dilanjutkan sehingga Disember 2022 dengan penglibatan rasmi ketiga-tiga pihak. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut termasuk mesyuarat peringkat tertinggi dengan Ketua Menteri Sabah dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, kenyataan media bersama, anjuran dialog dalam talian dan lawatan ke sebuah pusat pemindahan untuk orang yang kehilangan tempat tinggal di Filipina.

Pembaharuan MoU selama lima tahun ini menggambarkan komitmen semua pihak untuk mempergiatkan kerjasama sedia ada melalui kolaborasi dengan Kerajaan dan semua pihak berkepentingan dalam mencari penyelesaian yang kukuh ke arah penambahbaikan situasi hak asasi manusia orang tanpa kewarganegaraan dan orang yang berisiko menjadi tiada kewarganegaraan di Sabah. Lanjutan daripada usaha terdahulu, ketiga-tiga pihak bersetuju untuk memberi tumpuan kepada meningkatkan kesedaran dengan mengambil kira kurangnya pemahaman dan salah tanggapan di kalangan orang awam dan pihak berkepentingan terhadap orang tanpa kewarganegaraan di Sabah.

Walau apa jua status mereka, orang tanpa dokumen, tanpa kewarganegaraan dan orang yang berisiko menjadi tiada kewarganegaraan melalui pengalaman yang sama. Ini termasuk penafian akses kepada hak asas yang diperlukan seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, dan mata pencarian. Ini seringkali mengakibatkan mereka terdedah menjadi sasaran pemerdagangan manusia, eksploitasi, gangguan dan buruh paksa.

SUHAKAM berharap MoU ini akan menjadi platform untuk pihak berkepentingan berbincang mengenai isu-isu mencabar secara terbuka seterusnya dapat meningkatkan kepekaan orang ramai. Matlamat kerjasama ini adalah untuk menambah baik situasi orang tanpa kewarganegaraan dan orang yang berisiko menjadi tiada kewarganegaraan di Sabah serta mencari penyelesaian jangka masa panjang kepada isu yang telah lama berpanjangan ini.



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

Selain majlis menandatangani MoU, ketiga-tiga pihak akan melawat perkampungan di Pulau Omadal dan Pulau Mabul untuk mengunjungi komuniti ini serta melihat sendiri keadaan mereka. SUHAKAM mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Daerah Semporna, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah dan Polis Diraja Malaysia atas kerjasama serta bantuan dalam mengendalikan lawatan ini.

-TAMAT-

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
7 September 2023**